

04/09/1999

Pelancong ke Brunei boleh lawat Labuan tanpa visa

PADANG BESAR, Jumaat - Kerajaan membenarkan semua rakyat asing yang bekerja atau melancong ke Brunei, melawat Wilayah Persekutuan Labuan untuk tempoh 72 jam tanpa menggunakan visa.

Peraturan itu yang berkuatkuasa serta merta mulai hari ini, dilaksanakan apabila kerajaan memberi kemudahan sama kepada rakyat 12 negara asing yang sebelum ini dikecualikan daripada keistimewaan itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, berkata negara yang kini turut diberi kemudahan itu ialah China, Taiwan, Korea Utara, India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka, Myanmar, Bhutan, Vietnam, Nepal dan Nigeria.

"Sebelum ini, rakyat dari 12 negara itu perlu mendapatkan visa untuk ke Labuan tetapi mereka kini dikecualikan daripada peraturan itu jika melawat untuk tempoh tidak melebihi 72 jam.

"Kerajaan memberi kemudahan itu bertujuan menggalak kemasukan lebih ramai pelancong asing ke Labuan, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi kawasan itu," katanya.

Sebelum ini, rakyat dari seluruh dunia, kecuali 12 negara terbabit yang melancong atau bekerja di Brunei, dibenar ke Labuan bagi tempoh tidak melebihi 72 jam tanpa visa.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya akan mendapatkan laporan polis sebelum mengambil tindakan undang-undang terhadap seorang penceramah jemputan Pas yang didakwa menggunakan kata-kata lucah serta menghina Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan perkataan kesat di kalangan ramai.

Katanya, kerajaan tidak akan sewenang-wenang menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) terhadap penceramah terbabit walaupun ada pihak menyarankan tindakan sedemikian.

"Kita lihat dulu apa kesalahan yang dia lakukan dan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang berkaitan," katanya.

Semalam, Persatuan Siam Malaysia menyarankan kerajaan supaya mengenakan tindakan ISA terhadap Chong Thian Teik kerana dikatakan membuat ucapan keterlaluan.

Presidennya, Senator Datuk Charern Intachart, berkata beliau didesak oleh masyarakat Siam supaya memberi penjelasan berhubung tindakan lelaki itu yang mendakwa mewakili kaumnya bahawa mereka kini menyokong pembangkang.

(END)